

Headline	Pembinaan projek LSS TNB mula bulan depan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	107 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,402		



Pembinaan projek LSS TNB mula bulan depan

KUALA LUMPUR 4 Jun - Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijadual memulakan pembinaan projek Solar Skala Besar (LSS) pertamanya pada tapak seluas 97 hektar di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor bulan depan.

Menurut TNB, tapak tersebut yang dibersihkan secara berperingkat akan dibangunkan menjadi ladang solar seluas 68 hektar, sementara terdapat talian penghantaran voltan tinggi sedia ada pada baki 29 hektar lagi.

"Apabila siap dan beroperasi sepenuhnya pada November 2018, projek itu berupaya menjana dan menghantar 50 megawatt (mW) tenaga elektrik ke grid nasional," jelas syarikat utiliti itu dalam kenyataan di sini hari ini.



Anak syarikat milik penuh TNB, TNB Sepang Solar Sdn. Bhd. berjaya memperoleh projek itu daripada Suruhanjaya Tenaga melalui proses bidaan yang kompetitif.

TNB berhasrat untuk menyediakan sebahagian besar daripada tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dengan melabur dalam tenaga solar, angin, biojisim, biogas dan projek mini hidro.

Sebagai sebahagian daripada pelan pengembangan antara-bangsa kumpulan itu, TNB turut mengambil alih aset RE.